

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEDUA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 8 April 2010**

**SOALAN**

YB Tuan Gobalakrishnan a/l Nagapan (PKR) (Padang Serai) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan berapa ramaikah penerima bantuan kebijakan di Daerah Kulim dan berikan angka dan jumlah mengikut kaum.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua, Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan statistik tahun 2009 jumlah penerima bantuan kebajikan di Daerah Kulim adalah seramai empat ribu lapan ratus sembilan puluh (4,890) orang penerima dengan peruntukan kewangan sebanyak Ringgit Malaysia: Lima Belas Juta Empat Ratus Ribu (RM15,400,000). Penerima bantuan tersebut adalah terdiri daripada kaum Melayu seramai dua ribu empat ratus (2,400) orang dengan peruntukan sebanyak Ringgit Malaysia: Tujuh Juta Lima Ratus Ribu (RM7,500,000), kaum Cina seramai sembilan ratus tujuh puluh lapan (978) orang dengan peruntukan Ringgit Malaysia: Tiga Juta Satu Ratus Ribu (RM3,100,000) dan kaum India seramai satu ribu lima ratus dua belas (1,512) orang dengan peruntukan sebanyak Ringgit Malaysia: Empat Juta Lapan Ratus Ribu (RM 4,800,000 juta).

